

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI GURU
PERINGKAT DAERAH BERA**

**KOMPLEKS SUKAN UPM,
BERA, PAHANG**

**KHAMIS, 21 MEI 2016
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Yang Berhormat Dato' Norol Azali bin Sulaiman, Ahli Dewan Undangan Negeri Guai

Yang Berhormat Dato' Mohd Fadil bin Osman Ahli Dewan Undangan Negeri Kemayan

Yang Berbahagia Dato' Razihan bin Adzharuddin, Pegawai Daerah Bera

Yang Berusaha Encik Baharum bin Haji Samat, Pegawai Pendidikan Daerah Bera

Yang Dihormati Tuan Haji Zaberi bin Abdul Hamid , Pengerusi Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Daerah Bera

Yang Dihormati Encik Mohamed Al- Awal bin Othman , Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah Bera

Pemimpin-pemimpin masyarakat

Barisan Pegawai dan Penyelia Pejabat Pendidikan Daerah Bera

Para Pengetua dan Guru Besar Sekolah- sekolah Daerah Bera

Guru-guru bersara

Guru-guru

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita semua diberikan kesempatan menjalin silaturahim dan menyulam ukhuwah di Dewan Kompleks Rakan Muda Daerah Bera yang serba indah ini bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Bera bagi tahun 2016. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak pengelola kerana berjaya menganjurkan majlis yang bermakna kepada guru-guru yang diraikan pada hari ini. Sesungguhnya tanpa perancangan yang teliti dan usaha yang gigih, sudah pasti majlis ini tidak dapat dilangsungkan dengan meriah dan jayanya.

2. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak pengelola kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis yang mengiktiraf jasa dan sumbangan semua guru di daerah tercinta ini. Saya juga dengan rendah hati ingin menzahirkan ucapan SELAMAT HARI GURU buat semua pendidik anak bangsa yang ada di hadapan saya ini. Saya kira ucapan tersebut masih belum terlewat lagi kerana jasa guru wajar dihargai pada setiap masa. Kita sedar bahawa tanpa guru, siapalah kita pada hari ini. Oleh hal yang demikian, tuan-tuan dan puan-puan merupakan insan bertuah kerana berada dalam lapangan yang cukup mulia dan sentiasa signifikan sepanjang zaman. Oleh sebab itu, Hari Guru yang disambut pada 16 Mei setiap tahun amat wajar dirayakan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa guru. Martabat warga guru sememangnya begitu mulia sehingga Saidina Ali berkata, barangsiapa yang mengajarkan satu ayat atau kalimat yang tadinya tidak tahu menjadi tahu, maka aku rela untuk dijadikannya sebagai abid (hamba sahaya).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Tugas sebagai pendidik ibarat berada di sebuah ladang. Guru menanam benih-benih keinsanan, menyiram air kasih sayang, membajainya dengan luhur budi agar terus subur dan membesar dengan sempurna. Pohon yang membesar dengan sempurna itu pula akan menghasilkan buah bakti yang akan terus memberi manfaat kepada orang lain. Alangkah besar pengorbanan dan tugas seorang guru. Jika dilaksanakan dengan penuh keikhlasan, sudah pasti ganjaran yang besar akan menanti di alam yang kekal abadi.

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah Guru Pembina Negara Bangsa. Tema ini cukup signifikan dalam kerangka membina bangsa dan negara yang bertamadun tinggi setanding dengan negara maju di dunia. Masyarakat amat menyanjung tinggi tugas guru dalam merealisasikan agenda ini. Saya kira objektif membangunkan modal insan yang holistik iaitu murid-murid di sekolah yang merupakan aset negara dapat dijemakan dengan kelangsungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Besar harapan kita semua agar pelan pendidikan ini berupaya membina sebuah negara bangsa melalui sistem pendidikan berkualiti bertaraf dunia. Melalui platform ini juga para guru mempunyai amanah besar, dalam melahirkan murid yang mempunyai enam aspirasi iaitu berpengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional.

5. Pada hemat saya, guru merupakan insan yang bertanggungjawab mencorakkan generasi pada hari ini mengikut acuan dan aspirasi yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Dalam hal ini, modal insan yang dapat memainkan peranan sebagai warganegara yang cemerlang dan dapat pula bersama-sama kerajaan untuk membina negara bangsa merupakan harapan kita semua. Dalam perjuangan mendidik anak bangsa, guru sentiasa berada di barisan paling hadapan. Segala tindakan guru haruslah bersandarkan matlamat dan hala tuju perjuangan yang

telah ditentukan oleh pihak peneraju, iaitu kerajaan yang ada pada hari ini. Sudah tentu ketidaksiharan antara tindakan dan hala tuju di baris hadapan akan mengakibatkan kepincangan dalam keseluruhan organisasi. Oleh sebab itu, guru harus menjadi kumpulan pelaksana yang sentiasa jujur dan taat setia kepada ketuanya iaitu kerajaan yang menerajui negara. Jika hal ini dapat disuburkan dalam diri setiap guru, maka kemenjadian murid akan dapat direalisasikan.

6. Dalam mendepani dunia tanpa sempadan ini, corak dan gaya pengajaran guru di dalam bilik darjah seharusnya berubah seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang kita kecapai pada hari ini. Guru-guru sewajarnya memanfaatkan segala wahana yang ada seperti capaian Internet dan teknologi komputer dalam tugas menyampaikan ilmu. Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran guru juga haruslah mampu memberikan keberkesanan yang ampuh dari segi pemahaman murid dan pengaplikasiannya. Saya menyedari Kementerian Pendidikan sendiri telah menekankan konsep pembelajaran abad ke-21 yang lebih menyeronokkan murid-murid dan memberikan impak yang tinggi dari segi keberkesananannya. Guru-guru tidak lagi wajar sekadar menggunakan buku dan papan tulis seperti guru-guru awal kemerdekaan dahulu. Hal ini demikian kerana perubahan zaman memperlihatkan akses kepada ilmu pengetahuan itu sebenarnya dapat dicapai dengan begitu pantas melalui teknologi maklumat dan komunikasi yang kian pesat pada masa ini. Sesuatu yang menarik perhatian saya ialah proses pendidikan di dalam bilik darjah amat menekankan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Pada hakikatnya, perkara ini amat selari dengan konsep pendidikan di negara-negara maju yang menekankan perkara ini sejak sekian lama. Saya amat yakin dan percaya guru yang ada di dewan yang indah ini amat arif tentang hal ini dan sudah pun mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Negara turut berbangga kerana guru-guru di Malaysia ini telah mencapai satu tahap yang membanggakan dan berjaya membuktikan guru Malaysia juga cukup berketerampilan, dinamik dan bertaraf dunia. Hal ini dapat dibuktikan apabila beberapa orang guru dari Malaysia yang telah tersenarai antara 50 Guru Terbaik Dunia melalui Anugerah Guru Global yang diadakan di Dubai. Antaranya ialah Yasmin Noorul Amin, Noorjahan Sultan dan Vanesri Kasi. Sudah pasti pemilihan mereka melambangkan kecemerlangan tugas mereka yang setanding guru-guru terbaik dunia yang lain. Oleh hal yang demikian, guru-guru semua diseru untuk meneladani iltizam dan dedikasi guru-guru tersebut dalam membina anak bangsa gemilang. Semoga kita akan dapat melahirkan para pelajar yang holistik, berdaya saing dan memiliki minda kelas pertama sejajar dengan visi negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Bijak pandai mengatakan, sebuah negara tidak akan tumbuh besar jika guru di negara tersebut tidak tumbuh besar. Sebuah negara tidak akan sejahtera jika guru mereka tidak sejahtera. Kehebatan sebuah negara tergantung kehebatan guru mereka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Bagi menyokong perkhidmatan perguruan ini agar terus efisien dan profesional, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan, dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan guru. Senario yang membanggakan kita pada hari ini ialah profesion keguruan ini semakin diminati. Hal ini dapat dibuktikan apabila seramai 80,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia telah memohon untuk

melanjutkan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pada tahun ini sedangkan tempat yang disediakan hanyalah 3,000 tempat sahaja. Jelaslah kini, kerjaya sebagai guru bukan lagi menjadi pilihan terakhir sebagaimana pernah terjadi suatu ketika dahulu.

9. Berbicara tentang kebajikan guru, kerajaan juga sentiasa menyemak gaji guru dari semasa ke semasa yang mengambil kira keperluan dan situasi semasa. Perkara ini jelas membuktikan bahawa kerajaan sentiasa mendengar dan mempertimbangkan suara hati kesatuan-kesatuan guru terutamanya Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) berkaitan semakan gaji ini. Iltizam pihak kerajaan dalam memenuhi tuntutan ini telah pun terbukti dan telah pun dinikmati oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dalam masa terdekat ini guru juga akan menikmati kenaikan satu tangga gaji sebagaimana kakitangan awam yang lain. Walaupun keadaan ekonomi negara sedikit terjejas pada masa ini, namun kerajaan tetap menunaikan janjinya dalam menghargai peranan yang dimainkan oleh kakitangan awam untuk memastikan kemajuan negara terus dipertahankan. Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan menyatakan bahawa skim perkhidmatan guru akan dikaji secara holistik dengan keutamaan diberikan kepada perkara berkaitan kenaikan pangkat dan pemberian elaun. Sudah pastilah perkara ini memberikan kegembiraan kepada guru-guru sekalian.

10. Pada sisi yang lain, laluan kerjaya guru juga sudah ditambah baik. Rakan Peningkatan Sekolah (SiPartners+) dan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) ditempatkan di Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negara sejak 2014 merupakan wadah yang mampu melonjakkan kecemerlangan guru. Guru-guru yang terpilih ini membantu sekolah dan guru-guru lain dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini merupakan transformasi pendidikan negara agar sektor ini terus berdaya saing dengan negara-negara maju .

11. Sesungguhnya, pihak kerajaan akan terus bersama-sama memartabatkan profesion keguruan ini agar profesion ini akan terus tekal dan signifikan dalam mengharungi arus kemajuan dunia. Bagi pihak saya sendiri, saya akan terus memberikan sokongan kepada guru dan agenda pendidikan di daerah Bera yang tercinta ini. Saya tetap memberikan keutamaan terhadap kecemerlangan pendidikan tanpa mengira kaum sama ada Melayu, Cina, India mahupun Orang Asli. Permohonan sumbangan untuk program kecemerlangan murid yang dikemukakan oleh pihak sekolah atau Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) umpamanya, tidak akan saya hampakan kerana saya amat menyedari kejayaan sesuatu program berkait rapat dengan faktor kewangan yang mencukupi. Di samping itu, program-program khas juga akan terus disemarakkan demi memastikan kecemerlangan pendidikan di daerah ini. Program terkini yang dianjurkan oleh kerajaan ialah Program Jelajah Pendidikan Bumiputera yang memfokuskan peluang pendidikan dalam bidang akademik kepada pelajar Bumiputera yang kurang berkemampuan dan juga dalam bidang bukan akademik iaitu jurusan teknikal dan vokasional di institusi-institusi pengajian tinggi tertentu. Inisiatif ini merupakan transformasi pendidikan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini demi memastikan pendidikan anak bangsa terus diberikan perhatian kerana merekalah permata negara yang akan memastikan negara mencapai status negara maju berperadaban tinggi. Saya amat berharap agar program yang diadakan ini dapat memberikan manfaat sebaik mungkin kepada generasi muda di daerah Bera ini dengan memberikan peluang pendidikan mengikut tahap kelayakan yang ada pada diri mereka. Sebenarnya kita mendapati generasi muda yang tidak mendapat tempat di institusi-institusi pengajian tinggi bukanlah disebabkan mereka benar-benar tidak layak tetapi disebabkan tempat yang terhad dan sistem merit yang diamalkan oleh pihak universiti. Oleh sebab itu, program ini diwujudkan demi memastikan tiada anak muda yang tercicir daripada arus perdana pendidikan yang merupakan elemen terpenting bagi sebuah negara bertamadun tinggi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan SELAMAT HARI GURU dan TERIMA KASIH CIKGU kepada semua warga pendidik di daerah Bera ini. Harapan saya, jadilah pendidik yang dapat memartabatkan profesion keguruan ke tahap yang cukup tinggi dan mulia. Kemenjadian murid pada hari ini sudah pasti bertunjangkan bimbingan guru yang mendidik dengan penuh keikhlasan dan kesabaran. Semoga para guru sekalian akan terus dilimpahi rahmat dan diberikan keupayaan oleh Allah SWT untuk terus istiqamah menabur benih-benih ilmu dan membugar keluhuran akhlak insan di ladang pendidikan yang subur ini.

13. Dengarkanlah dua rangkap pantun ini :

Dingin air penuh sekendi,
Dibawa putera berwajah cerlang;
Andai guru ikhlas berbudi,
Aspirasi negara pasti gemilang.

Subur gaharu pinggiran anjung,
Tempat merbah membuat sarang;
Budimu guru mekar setanjung,
Sepanjang zaman dikenang orang.

14. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Bera Tahun 2016.

15. Sekian, Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

